

Negara Islam: Nik Aziz samakan orang Melayu dengan Yahudi

UM 21/12/03

KUALA TERENGGANU 20 Dis. — Mursyidul Am Pas, Nik Abdul Aziz Nik Mat sekali lagi mencetuskan kontroversi apabila menyamakan orang Melayu di negara ini dengan orang Yahudi apabila enggan menerima konsep negara Islam yang diperkenalkan oleh parti itu.

Menteri Besar Kelantan itu turut menyifatkan kerajaan Malaysia dan pemimpinnya sebagai 'proksi Yahudi' di negara ini kerana tidak menerima ajaran Islam dan negara Islam yang dibawa oleh Pas.

"Menurut bekas Perdana Menteri (Tun Dr. Mahathir Mohamad) kita, dunia ini diperintah oleh Yahudi. Maka di Malaysia kita payah nak terima negara Islam... ini proksi juga agaknya.

"Pemikir-pemikir ahli kerajaan Malaysia ini adalah proksi bagi Yahudi sebagaimana Yahudi tak setuju kepada al-Quran dan negara Islam," katanya semasa berucap pada majlis penerangan mengenai negara Islam di Kompleks Sri Iman, di sini malam tadi.

Turut berucap pada majlis itu ialah Presiden Pas yang juga Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Ketua Penerangan Pas Pusat, Datuk Haron Din dan Exco kerajaan negeri, Datuk Mustafa Ali.

Nik Abdul Aziz sebelum itu merujuk kepada ucapan Dr. Mahathir pada

mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini mengenai Yahudi yang meletakkan proksi untuk menguasai dunia.

"Cuba tanya Yahudi nak ke tak nak negara Islam? Tak ada seorang pun yang akan setuju dengan negara Islam. Kalau orang Melayu tak setuju negara Islam, sah Yahudi... sah," kata Nik Abdul Aziz sambil disambut dengan laungan takbir.

Beliau kemudian menyeru hadirin supaya berdoa untuk membuka pintu

hati golongan yang tidak sealiran dengan Pas.

"Mudah-mudahan terbuka hati orang yang berlawan dengan kita dan kalau tidak terbuka juga bolehlah Allah musnahkan sahaja..." ujar beliau.

Mengenai kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Terengganu, Datuk Harun Taib bahawa ulama boleh bercakap kasar, Nik Abdul Aziz berkata, ia dibolehkan kerana Rasulullah sendiri pernah bercakap kasar kepada musuhnya.

Beliau berkata, ia berdasarkan satu kejadian di mana Rasulullah dikhianati oleh kaum Yahudi Bani Khuraizah semasa Perang Khandak sehingga Nabi Muhammad mengeluarkan kata-kata; "Hei puak-puak kera" kepada kaum tersebut.

"Kalau Nabi sebut kera kepada orang, apa salahnya hamba Allah (Harun) sebut budak-budak kepada UMNO dalam Dewan Undangan Negeri," katanya.

Dalam sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 4 Disember lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Ajil, Rosol Wahid menegur Harun kerana mengeluarkan kata-kata kasar tetapi Harun menegaskan bahawa ulama juga boleh bercakap kasar.